

Selaraskan semula fungsi asal sekolah kebangsaan — Hishammuddin

UM 3 DEC 2002

KUALA KUBU BARU 2 Dis. — Pergerakan Pemuda UMNO mahu fungsi sekolah kebangsaan yang sudah jauh menyimpang daripada tujuan asal diselenggarakan semula melalui penekanan nilai-nilai integrasi nasional oleh Kementerian Pendidikan.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, langkah itu bagi mewujudkan suasana pembelajaran kondusif yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik selain memastikan ia kembali menjadi pilihan utama ibu bapa.

“Kita hanya perlu selaraskan kembali arah landasan dan juga tujuan asal sekolah kebangsaan iaitu memastikan integrasi nasional dan kecemerlangan pendidikan ditekankan.

“Ini termasuk memasti-

kan bahawa dalam sistem pendidikan itu tidak ada halangan dari segi warna kulit agama dan latar belakang bagi pelajar-pelajar,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Belia dan Sukan menegaskan demikian kepada para pemberita selepas menyampaikan sijil pada majlis Konvokesyen Institut Kemahiran Belia Negara Peretak Ke-38 di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Ayob semalam bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sedih melihat fungsi sekolah tersebut sudah jauh menyimpang daripada tujuan dan matlamat asal kewujudannya.

Megat Junid berkata, Dr. Mahathir pada mesyuarat

Majlis Tertinggi (MT) UMNO Jumaat lalu, seterusnya mencadangkan satu kajian menyeluruh terhadap sistem persekolahan kebangsaan dibuat.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata, suntikan patriotisme yang disemai secara seiringan dengan kecemerlangan akademik bagaimanapun memerlukan suasana yang kondusif dalam sistem pendidikan.

“Kita perlu melihat kepada sistem pendidikan sekolah kebangsaan iaitu bagi mewujudkan suasana kondusif sepanjang tahun dengan menaikkan mertabat semangat patriotisme, mendukung pengajaran bahasa Inggeris (dalam Sains dan Matematik) dan nilai disiplin,” katanya.

Katanya, Program Khidmat Negara juga yang

bakal diperkenalkan pada tahun 2004 akan memberi banyak manfaat dalam membetulkan pandangan negatif terhadap sekolah kebangsaan.

“Keputusan MT adalah tepat kerana secara amnya memang ada ruang untuk kita kemas kini (sekolah kebangsaan) dan ini memerlukan satu kesungguhan untuk memastikan ia berjaya,” katanya.

Beliau mengingatkan, terdapat golongan tertentu yang mengambil kesempatan untuk mengagalkan usaha itu semata-mata untuk kepentingan politik mereka.

“Bagaimanapun majoriti rakyat menyokong usaha-usaha untuk memperkuat sistem pendidikan seperti yang diputuskan oleh MT,” katanya.